

B U L E T I N

SUARA PERSATUAN PESARA UKM. NO. PENDAFTARAN 2291-10-SEL. Bil: 3 Ogos 2013

PENGARANG

Buletin Persatuan Pesara UKM kembali menemui tuan/puan setelah menyepi diri sekian lama. AJK Persatuan mengucapkan selamat menyambut Ramadhan Al-Mubark, kami doakan anda semua terus sihat sejahtera menuaikan Puasa Ramadhan dan seterusnya menyambut Edilfitri. Kami menyeru kepada pesara UKM yang masih belum menjadi ahli Persatuan Pesara UKM memberi sokongan padu dan menanam minat untuk menyertai Persatuan semoga perpaduan dan silaturrahim antara kita berpanjangan.

MESYUARAT AGUNG KE-3

Mesyuarat Agung Tahunan – MAT 3 akan diadakan pada 21 August 2013 (Rabu) mulai jam 9.30 pagi di Dewan Panggung Seni UKM Bangi .

Sambutan Hari Raya Edilfitri 1434H,

Akan diadakan pada 21 Ogos 2013 di Dewan Panggung Seni UKM Bangi mulai jam 11.30 pagi. AJK Persatuan mengucapkan **SELAMAT HARI RAYA EDILFITRI 1434H** kepada semua ahli Persatuan dan Warga UKM dan seluruh umat Islam. Kami dahului salam sejahtera serta doa dan iringan **MAAF ZAHIR DAN BATIN**. Semua ahli Persatuan dan pasangan dijemput hadir.

BERITA DAN MAKLUMAN

Ceramah Agama

Biro Agama Persatuan telah berjaya menganjurkan satu ceramah agama di Masjid Al- Solihin Kg. Teras Jernang Bandar Baru Bangi pada 25 Julai 2013 sempena sambutan Hari Nuzzul Koran . Ceramah telah disampaikan oleh Dr. Mazlan Ibrahim dari Fakulti Islam UKM. AJK dan ahli Persatuan telah turut hadir bersama jumaah masjid.

Kemudahan Perubatan Pesara Skim KWSP

Pada 22 Mac 2011, Kerajaan Malaysia telah bersetuju memanjangkan kemudahan rawatan perubatan percuma kepada pesara skim KWSP yang bersara pada umur wajib atau bersara dibawah Seksyen 6A(5) Akta Pencen 1980 (Akta227), atau Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuaasa dan Tempatan 1980 (Akta239). Mereka yang meletak jawatan atau meninggalkan perkhidmatan dengan kehendak sendiri tidak layak menerima kemudahan itu. Kemudahan perubatan itu juga diberi kepada ahli keluarga yang layak atau pekerja Skim KWSP yang meninggal dalam perkhidmatan dengan Syarat telah disahkan dalam jawatan/perkhidmatan.

sambung

Buletin Pesara UKM Bil :3, Ogos 2013

Sidang Pengarang menjemput ahli-ahli Persatuan dan Pesara UKM untuk menyumbang berita/cerita/maklumat untuk dimuatkan dalam Buletin. Sila kirim melalui HP/email: 0122206812/halisalee@yahoo.com

JADILAH AHLI PERSATUAN!

Bayaran Masuk dan Yuran Ahli

Masuk Yuran Sekali Sahaja

Yuran Ahli RM3.00 RM50.00

sambung

Kemudahan rawatan perubatan percuma itu telah dilaksana kan sejak 6 Jun 2011 untuk semua pesara skim KWSP dengan syarat pesara telah mendaftar diri dan mempunyai kad pesara KWSP. Bagi pesara KWSP yang belum mendaftar, sila hubungi atau datang sendiri ke Pejabat Pendaftar UKM Bangi Bahagian Persaran untuk mengisi borang (JPA.BP.KWSP.01) dan pengurusan seterusnya.

Awas – buat masa ini kemudahan perubatan percuma itu hanya boleh didapati disemua hospital/klinik Kerajaan dan Pusat Rawatan Perubatan Universiti Malaya dan Pusat Rawatan Hospital Uni. Sains Malaysia kecuali **PPUKM Cheras**.

Walau bagaimana pun Persatuan Pesara dengan kerjasama KESUMA telah pada 4 hb. July 2013 mengadakan perbincangan dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia Bahagian Pasca Perkhidmatan untuk mendapatkan sokongan supaya PPUKM di senaraikan bersama dengan hospital-hospital Kerajaan.

AJK Persatuan pada 31 July 2013 telah mengadakan perbincangan dengan Presiden Cuepacs Dato' Omar Othman bagi mencari penyelesaian beberapa perkara berkaitan kemudahan-kemudahan perkhidmatan bagi pesara Kerajaan, diantaranya pemberian istimewa (bonus) tahunan bagi pesara KWSP dan wang ganjaran ketika bersara bagi pesara KWSP. Beberapa siri pertemuan dan perbincangan akan juga diadakan dengan pihak pentadbiran UKM dan persatuan2 kakitangan UKM.

Pembentangan bekalan ubat dan alat-alat perubatan

Pesara-pesara UKM (dan pesara KWSP UKM) adalah layak untuk membuat tuntutan pembentangan bekalan ubat dan alat perubatan yang tidak dibekalkan oleh pihak hospital kerajaan/hospital universiti termasuk PPUKM ketika menerima rawatan. Tuntutan hendaklah dibuat terus kepada Pejabat Pendaftar UKM , Bangi dengan mengisi borang tuntutan yang diperolehi dari PPUKM/Hospital Kerajaan yang telah disahkan oleh doktor/ hospital dengan menyertakan resit pembelian ubat/alat (jangan lupa simpan salinan)

Bayaran Bantuan Mengurus Jenazah

Pekeliling Perbendaharaan BIL 3, 2010 telah memberikan kemudahan bayaran pengurusan jenazah berkuat kuasa mulai pada 15 Okt. 2010 kepada waris pegawai/pihak yang mengurus, termasuk pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan, Awam Negeri, Badan Berkanun, Kerajaan Tempatan, dan pesara skim KWSP. Keterangan seterusnya dan borang2, sila layari Portal Rasmi JPA, Bahagian Pasca Perkhidmatan,
<http://www.jpapencen.gov.my>

Ahli Jawatankuasa Persatuan 2012/2013.

Pengerusi: Hj. Baharuddin Alang Ishak
Tim. Pengerusi: Prof. Dato Dr. Mohd Wahid Shamsuddin
Setiausaha: Encik Abd Rahman Madon
Pen. Setiausaha: Encik Khalis Md Salleh
Bendahari: Tuan Hj. Sabardin Ahmad
Ahli JK: Prof. Dato Dr. Mohamad Yahaya
Dato' Taip Abu
Encik Omar Jaafar
Hj Jaafar Ahmad
Encik Sabli Ibrahim
Hjh. Salmah Kasmani
Hjh. Thuraiyen Nadzrah Mohd Ghazali

Pemeriksa Kira-kira:

Encik Shafie Yusof
Hjh. Rosenani @ Rusnani A Saman

Biro Lawatan dan Pelancongan

Beberapa lawatan dan pelancongan pada hujung tahun ini dan sepanjang tahun 2014 sedang diatur oleh Biro Lawatan dan Pelancongan. Untuk keterangan sila hubungi Pengerusi Biro Hjh. Salmah Kasamani HP. 0123755899.

Biro Sukan dan Rekerasi

Pertandingan Golf Amal Persatuan Pesara akan diadakan pada minggu kedua bulan Oktober 2013, untuk penyertaan sila hubungi S-usaha Persatuan En. Rahman Madon.

Hubungi Kami:

Hj. Baharuddin	- 0126429798
En. Abd Rahman	- 0192775088
Hj. Sabardin	- 0192456823
En. Khalis	- 0122206812

AHLI DAPATKAN AHLI

Ahli Persatuan yang telah mendaftar sehingga bulan July 2013, adalah seramai 150 orang. Bilangan ini adalah sangat kecil jika diambil kira bilangan kakitangan yang telah bersara iaitu kurang lebih 1500 orang. Sebagai langkah menambah bilangan ahli, AJK memerlukan bantuan tuan/puan untuk berkerjasama dalam kempen "ahli dapatkan ahli". Sehubungannya dengan itu borang permohonan menjadi ahli boleh diperolehi daripada Setiausaha/AJK Persatuan dengan menhubungi mereka melalui no. HP yang tertera di halaman hadapan buliten ini. Borang permohonan yang telah lengkap berserta yuran bolehlah dihantar kepada AJK Persatuan. Kerjasama tuan/puan sangat kami sanjungi.

RUANG IKLAN

Chalet Teras Jernang , Bandar Baru Bangi

Menawarkan tempat penginapan untuk individu dan berkumpulan. Lokasi chalet adalah lingkungan 1.5 km dari Bandar Baru Bangi /PlazaTol Bangi, UKM, Malaysia French Institute, NIOSH, Akademi Percukaian LHD, Kolej Poly-Tech MARA, Rumah Anak Yatim Darul Izzah, Masjid Al-Solihin, Kedai2 Makanan.

Kadar Sewa dari RM70-RM160

Masa check in 2.00 ptg dan check out 12.00 th.

Alamat: Lot 2191 Jalan Bahagia Kg. Teras Jernang 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

HP 0192843979 (Ani) 0122026496 (Omar)